



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013
PENILAIAN MENENGAH RENDAH**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.***
2. ***Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian: **Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii).** Anda dikehendaki supaya menjawab **kedua-dua bahagian** tersebut. **Bahagian B dan Bahagian D** juga mesti dijawab. Manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab **satu** soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **Bahagian A**, 25 minit untuk **Bahagian B**, 45 minit untuk **Bahagian C** dan 10 minit untuk **Bahagian D.***
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **6** halaman bercetak

Bahagian A (i) : Ringkasan

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis ringkasan tentang kepentingan mengamalkan warisan budaya. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Sesungguhnya, hakikat warisan budaya tradisional di negara kita kini telah menghadapi ancaman langka dan kepupusan memang tidak dapat dinafikan. Lantaran itu, warisan budaya ini harus menjadi amalan. Amalan budaya tradisional kita melambangkan sifat majmuk masyarakat kita. Contoh yang jelas ialah pakaian tradisional pelbagai kaum yang unik dan berwarna-warni yang dipakai oleh pelbagai etnik di negara kita. Budaya tradisional kita juga menunjukkan budi dan pekerti masyarakat Malaysia. Nilai murni yang ditunjukkan dalam majlis korban dan majlis rumah terbuka misalnya, menunjukkan kita prihatin terhadap orang lain dan bersikap mesra. Budaya tradisional juga dapat memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Contoh yang jelas ialah tradisi kunjung-mengunjungi dan mengadakan rumah terbuka pada hari kebesaran.

Sesungguhnya, salah satu daya tarikan pelancongan ialah warisan budaya kita. Sebenarnya, keindahan pantai, landskap dan hutan Malaysia juga boleh ditemukan di tempat-tempat lain, misalnya di Indonesia, Negara Thai, dan Filipina. Yang unik dan menjadi perhatian para pelancong ialah budaya tradisional kita, misalnya tarian lilin, bongai, dan gasing. Sementelahan, melalui budaya tradisional, kita dapat mengetahui asal usul kita. Oleh itu, kita akan sedar dan insaf tentang kepayahan dan pahit getir hidup leluhur kita. Dengan meladeni dan menghayati budaya ini, warga kita tidak akan dihanyutkan oleh budaya bejat Barat.

Sesungguhnya warisan budaya bangsa perlu dipertahankan agar sentiasa relevan dan diingati oleh masyarakat, terutamanya generasi remaja. Yang berlaku sekarang, kemasukan budaya asing sudah mula *menjajah minda* warga belia. Antara amalan yang semakin dilupakan ialah berkaitan pantang larang. Amalan warisan nenek moyang ini semakin dijauhi dalam kalangan masyarakat terutamanya, generasi muda. Oleh sebab itu, pantang larang warisan leluhur yang juga amalan nenek moyang kita dahulu harus disemarakkan semula dan dijadikan tunjang kehidupan agar kita ada jati diri teguh untuk menangkis segala anasir jahat yang mampu menggadaikan maruah diri dan keluarga.

Untuk mencegat budaya tradisional yang kian dilupakan ini, masyarakat mesti didedahkan kepada kekayaan warisan budaya negara. Organisasi yang bertanggungjawab harus selalu menganjurkan kempen, ceramah, dan pameran. Pertubuhan-pertubuhan budaya harus disalurkan sumber kewangan untuk mereka menjalankan aktiviti kebudayaan. Dengan ini, rakyat kita akan lebih dekat dan memahami budaya bangsa sendiri.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana ‘Marilah Sama-sama Kita Mencegatkan Warisan Budaya Kita di Puncak Lestari’, Syed Mahadzir Syed Ibrahim, 26 Februari 2011)

Bahagian A (ii) : Pemahaman

[10 *markah*]

Berdasarkan petikan **Bahagian A (i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Apakah maksud rangkai kata *menjajah minda*?
[2 *markah*]
2. Nyatakan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mencegat budaya tradisional yang kian dilupakan ini dalam kalangan masyarakat.
[4 *markah*]
3. Pada pendapat anda, apakah kesan yang akan berlaku sekiranya generasi muda kurang mengamalkan budaya warisan mereka?
[4 *markah*]

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan gambar di bawah ini, huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah yang perlu diamalkan untuk menjaga kebersihan diri. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



Bahagian C

[40 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 180 patah perkataan**.

- 1 Anda telah menyelamatkan anak jiran anda daripada hangus dijilat api dalam satu kebakaran di kawasan tempat tinggal anda.

Ceritakan pengalaman anda tersebut.

- 2 Baru-baru ini sekolah anda telah mengadakan Kejohanan Olahraga Peringkat Sekolah. Sebagai setiausaha rumah sukan, anda telah diminta menulis laporan berkaitan kejohanan yang diadakan itu.

Tulis laporan tersebut selengkapnya.

- 3 Belia pada masa ini kurang melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu atau badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Nyatakan punca-punca belia hari ini tidak berminat dengan aktiviti sukarelawan.

- 4 Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memupuk semangat patriotik yang semakin pudar dalam diri anak-anak.

Bincangkan cara-cara yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk menanam semangat patriotik dalam diri anak-anak.

- 5 Peribahasa *berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak* membawa maksud melakukan sesuatu pekerjaan yang berfaedah sementara menunggu pekerjaan yang lebih baik.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut

Bahagian D

[10 markah]

*Jawapan anda mestilah berdasarkan novel yang telah anda kaji di **tingkatan 3** seperti berikut:*

- (i) *6:20*, karya Siti Jasmina Ibrahim
- (ii) *Merenang Gelora*, karya Ruslan Ngah
- (iii) *Cempaka Putih Untukmu*, karya Rohani Deraman.

Berdasarkan satu daripada novel di atas, huraikan **tiga** watak sampingan berserta perwatakan yang sesuai bagi novel tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT